

02 OCT 1997

Mahathir-Marin

PROGRAM PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR PERLU DIBIAYAI BERTERUSAN

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata program perlindungan sumber semula jadi negara, termasuk pemeliharaan taman laut, harus dibiayai secara berterusan.

"Adalah amat penting bagi program perlindungan sumber kita dibiayai berterusan kerana jika tidak ia akan mengakibatkan segala usaha dan pencapaian terbantut," katanya dalam ucapan pada majlis makan untuk mengutip derma bagi Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut di sini malam ini.

Ucapannya bertajuk "Laut kita...Warisan anak-anak kita" dibacakan oleh Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud. Dr Mahathir kini berada di Uruguay dalam rangka lawatan ke empat buah negara Amerika Latin.

Bagaimanapun, katanya, program sedemikian di negara ini tidak akan menghadapi kegagalan kerana sektor swasta sentiasa menyokong usaha kerajaan untuk melindungi alam sekitar.

Beliau berkata kerajaan sangat menghargai sumbangan sektor swasta kerana ia boleh digunakan bagi aktiviti pengurusan, pendidikan, penyelidikan dan latihan dan untuk menyediakan kemudahan awam di taman-taman laut.

"Perkongsian pintar antara agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta berjalan lancar di negara ini kerana dasar kerajaan yang kondusif yang menggalakkan perkongsian seperti itu," katanya.

Dr Mahathir berkata satu daripada insentifnya ialah penyumbang mendapat pengecualian cukai bagi sumbangan mereka kepada Tabung Amanah Taman Laut.

Beliau berkata penubuhan Tabung Amanah Taman Laut pada 1985 membolehkan sektor swasta di samping individu untuk menyumbang kepada pemeliharaan persekitaran marin.

Katanya perairan tropika di Malaysia, yang kaya dengan biokepelbagaian, perlu dilindungi dan diurus agar dapat mengekalkan industri perikanan dan pelancongan berasaskan alam sekitar.

"Penubuhan taman-taman laut menguntungkan para nelayan kerana pembiakan dan makanan ikan dilindungi," katanya.

Pada masa ini, lima taman laut diwartakan iaitu Taman Laut Pulau Payar di Kedah, Taman Laut Pulau Redang (Terengganu), Taman Laut Pulau Tioman (Pahang), Taman Laut Mersing (Johor) dan Taman Laut Labuan.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan mengutamakan program pendidikan dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai alam sekitar terutama di kalangan murid sekolah.

Jamuan malam itu diadakan bersempena Persidangan dan Ekspo Persatuan Pemasaran dan Peralatan Menyelam (Dema) Asia '97 yang bermula hari ini.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali dan presiden Persatuan Sukan Menyelam Malaysia Mukhriz Mahathir.

-- BERNAMA

HJ AKD